

## JAS siasat punca IPU tidak sihat di Nilai dan Seremban semalam

Ahmad Hasbi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



S Veerapan

Seremban: Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Stesen Nilai dan Seremban mencatatkan bacaan tidak sihat, semalam dipercayai akibat aktiviti pembakaran terbuka di negeri jiran.


EXCO Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan sudah melakukan semakan dengan JAS Selangor.

"Saya memandang serius peningkatan bacaan IPU di beberapa kawasan di Negeri Sembilan seperti yang dilaporkan JAS Negeri Sembilan.

"Berdasarkan laporan, IPU pada jam 7 pagi semalam menunjukkan bacaan 119 di Stesen IPU Nilai dan Seremban iaitu tidak sihat manakala di Stesen IPU Port Dickson pada paras sederhana (80)," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Disyorkan

- [PSG tetap waspada ancaman Liverpool menjelang aksi Liga Juara-Juara](#)
- [KPDN nafi kenaikan harga LPG subsidi, syarikat akan dipanggil](#)
- [Rumah Putih nafi rancangan AS guna senjata nuklear terhadap Iran](#)
- [Qatar beri amaran konflik 'hampir tidak terkawal'](#)
- [Flick pertahan Yamal, anggap luahan emosi perkara biasa](#)



Jelas beliau, keadaan itu jelas menunjukkan kemerosotan kualiti udara yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

[AdChoices](#)

"Hasil semakan JAS Negeri Sembilan mendapati tiada pembakaran terbuka berskala besar dikesan di dalam Negeri Sembilan setakat ini.

"Namun begitu, satu titik panas dikenal pasti di Mukim Batu, Kuala Langat, Selangor yang berjarak kira-kira 40 kilometer dari stesen IPU Nilai dan berkemungkinan menyumbang kepada peningkatan bacaan IPU di negeri ini," katanya.

Sehubungan itu beliau berkata, pihaknya menyokong tindakan proaktif JAS Negeri Sembilan yang sedang menjalankan semakan lanjut bersama JAS Selangor bagi mengenal pasti punca sebenar serta mengambil tindakan segera.

Katanya, kerajaan negeri tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melakukan pembakaran terbuka dan akan mengambil tindakan tegas selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.



Disiarkan pada: April 6, 2026 @ 10:12am



BT

**Grow Your Money Fast: DBS Strategy Beats Inflation In 30 Days**

[LEARN MORE →](#)

Sorotan Video



Wajah seiras A Galak, 'Abang Misai' jadi ikon...

▶ 2:36



Nelydia Senrose hamil anak pertama

▶ 0:48



Aliff Aziz bersyukur, utamakan...

▶ 1:43



Iran dakwa serang kapal serangan amfibia AS, USS...

▶ 0:50



Simpai Rengg dan Ra

▶ 0:52

Lagi Video

Trending